e-Buletin
UniSZA times
Pendidikan dengan Jiwa • Education with Soul
Edisi 3
Mac 2025



# IFTAR PERDANA UniSZA 2025 | UKHUWAH & KEBERKATAN DI BULAN MULIA

*UniSZA Grand Iftar 2025 | Brotherhood & Blessings in the Holy Month*



ms **2**
*Program Multaqa Imam dan Guru Takmir Kuala Nerus*
*Multaqa Programme for Imams and Takmir Teachers of Kuala Nerus*



ms **3**
*Dari Asasi ke Sarjana ke Mercu Andalusia 2.0*
*From Foundation to Masters to the Peak of Andalusia 2.0*



ms **4**
SISKOR UniSZA Anjur Program Jalinan Mahabbah, Santuni Komuniti Parol
*UniSZA SISKOR Organises Jalinan Mahabbah Programme to Engage with Parolee Community*

# Iftar Perdana UniSZA 2025 | Ukhuwah & Keberkatan di Bulan Mulia

## *UniSZA Grand Iftar 2025 | Brotherhood & Blessings in the Holy Month*

**17 Mac 2025, Kuala Nerus - Majlis Iftar Perdana UniSZA 2025 berlangsung dengan penuh kemeriahan dan keberkatan, menghimpunkan warga UniSZA dalam suasana ukhuwah yang erat.**
**Majlis ini bukan sekadar acara berbuka puasa, tetapi juga wadah untuk memperkukuh silaturahim serta menyemarakkan semangat kebersamaan di bulan Ramadan yang penuh rahmat.**
**Dari azan Maghrib berkumandang hingga ke solat Isyak dan tarawih, kemeriahan majlis ini jelas terasa.**
**Kehadiran pelbagai lapisan warga UniSZA—termasuk pelajar, staf akademik, pentadbiran serta komuniti setempat—menjadikan majlis ini lebih bermakna.**

*17 March 2025, Kuala Nerus – The UniSZA Grand Iftar 2025 was held in a spirit of joy and blessing, bringing together the UniSZA community in a strong atmosphere of brotherhood.*
*The event was more than just a breaking of fast—it served as a platform to strengthen bonds and foster a sense of unity during the blessed month of Ramadan.*
*From the call to Maghrib prayer to the Isyak and Tarawih prayers, the warmth and liveliness of the gathering were truly felt.*
*The presence of various members of the UniSZA community—including students, academic staff, administrative personnel, and the local community—made the event even more meaningful.*








# PROGRAM MULTAQA IMAM DAN GURU TAKMIR KUALA NERUS

*MULTAQA PROGRAMME FOR IMAMS AND TAKMIR TEACHERS OF KUALA NERUS*

klik di sini untuk berita lanjut



**8 Mac 2025, Sabtu**

**Kuala Nerus - Program Multaqa Imam dan Guru Takmir ini telah diadakan pada 8 Mac 2025 (Sabtu) bertempat di Dewan Auditorium Al-Zahrawi, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA).**
**Program ini bertujuan untuk mengumpulkan para imam dan guru takmir untuk berdialog dan bertukar-tukar pandangan bersama YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri( Hal Ehwal Agama) secara langsung.**

**Program ini dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).**

*8 March 2025, Saturday*

*Kuala Nerus – The Multaqa Programme for Imams and Takmir Teachers was held on 8 March 2025 (Saturday) at the Al-Zahrawi Auditorium Hall, Sultan Zainal Abidin Hospital (HoSZA).*
*The objective of the programme was to gather imams and takmir teachers for a dialogue and exchange of views directly with the Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs).*
*The programme was officiated by YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs).*

# DARI ASASI KE SARJANA KE MERCU ANDALUSIA 2.0

*FROM FOUNDATION TO MASTERS TO THE PEAK OF ANDALUSIA 2.0*

**12 Mac 2025 - UniSZA berpeluang menyertai sesi perbincangan Andalusia 2.0, sebuah inisiatif yang mengangkat semula kegemilangan tamadun Islam melalui pendidikan bersepadu, dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi.**

**Sesi ini dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, dan turut dihadiri oleh Prof Emeritus Dato Dr Yusof Othman dan Prof Emeritus Datuk Ishak Haron . Turut hadir delegasi dari UiTM, UNITEN, dan UPSI.**

**UniSZA diwakili oleh kepimpinan tertinggi termasuk Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor, Profesor Ts. Dr Shukor Abdul Razak, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff @ Che Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) serta Encik Muzafar bin Mohd Din, Pendaftar UniSZA.**

*12 March 2025 - UniSZA had the opportunity to participate in the Andalusia 2.0 discussion session, an initiative aimed at reviving the glory of Islamic civilization through integrated education, from primary to higher education levels.*

*The session was chaired by Tan Sri Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh and attended by Prof. Emeritus Dato Dr. Yusof Othman and Prof. Emeritus Datuk Ishak Haron. Also present were delegations from UiTM, UNITEN, and UPSI.*

*UniSZA was represented by its top leadership, including Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas, Deputy Vice-Chancellor (Academic & International) who is currently serving as the Acting Vice-Chancellor; Professor Ts. Dr. Shukor Abdul Razak, Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation); Dato' Associate Professor Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff @ Che Abdullah, Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs & Alumni); and Mr. Muzafar bin Mohd Din, UniSZA Registrar.*

klik di sini untuk berita lanjut



# SISKOR UniSZA ANJUR PROGRAM JALINAN MAHABBAH, SANTUNI KOMUNITI PAROL

## *UniSZA SISKOR ORGANISES JALINAN MAHABBAH PROGRAMME TO ENGAGE WITH PAROLEE COMMUNITY*

**23 Mac 2025, KUALA TERENGGANU – Sukarelawan Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menganjurkan Program Jalinan Mahabbah & Iftar bersama Pejabat Pengarah Penjara Negeri Terengganu di Rumah Perantaraan, Kuala Terengganu.**

**Program ini bertujuan menyemai nilai keinsafan serta memperkukuh aspek keagamaan dalam kalangan prospek menerusi perkongsian pengalaman hidup mereka di sebalik tirai besi. Aktiviti rewang memasak bubur lambuk dan juadah berbuka bersama komuniti parol turut diadakan sebagai simbol kebersamaan sebelum diedarkan kepada masyarakat setempat.**

*23 March 2025, KUALA TERENGGANU – The Correctional Student Volunteers (SISKOR) of Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) organised the Jalinan Mahabbah & Iftar Programme in collaboration with the Terengganu State Prison Director's Office at the halfway house (Rumah Perantaraan), Kuala Terengganu.*

*The programme aimed to cultivate a sense of reflection and strengthen religious values among parolees through the sharing of their life experiences behind bars. Communal activities such as cooking bubur lambuk and preparing iftar meals with the parolee community were also held as a symbol of unity, before being distributed to the local community.*

**klik di sini untuk berita lanjut**












**28 Mac 2025 - YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas, Menjalankan Fungsi Naib Canselor UniSZA telah diperkenan untuk sembah menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah selaku Tuanku Canselor UniSZA di Istana Syarqiyyah. Turut bersama-sama dalam majlis menghadap ialah YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Profesor Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan YBrs. Prof. Madya Dr. Jeong Chun Phuoc @ Mohd Fauzi Chun bin Abdullah, Pensyarah Universiti, Fakulti Undang-undang & Hubungan Antarabangsa dan Encik Feissal Kassim Avarathar.**

**Merafak sembah takzim dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan KDYMM Sultanah Nur Zahirah menerima menghadap.**

*28 March 2025 – YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas, Performing the Duties of the Vice-Chancellor of UniSZA, was granted an audience with Her Royal Highness Sultanah Nur Zahirah, the Chancellor of UniSZA, at Istana Syarqiyyah.*

*Also present during the audience were YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Professor at the Faculty of Islamic Contemporary Studies; YBrs. Associate Professor Dr. Jeong Chun Phuoc @ Mohd Fauzi Chun bin Abdullah, University Lecturer at the Faculty of Law and International Relations; and Mr. Feissal Kassim Avarathar.*

*With utmost respect and gratitude, we humbly extend our heartfelt thanks for the gracious audience granted by Her Royal Highness Sultanah Nur Zahirah.*

**klik di sini untuk berita lanjut**



**30 Mac 2025 | 29 Ramadan 1446H - Cerapan Hilal Syawal 1446H di Balai Cerap KUSZA, ESERI, UniSZA**
**Sesi cerapan rasmi hilal Syawal ini telah dihadiri oleh YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas (Menjalankan Fungsi sebagai Naib Canselor UniSZA). Turut hadir Prof. Dr. Harmy bin Mohamed Yusoff (Dekan Fakulti Perubatan), Ts. Dr. Abdul Rahman bin Hassan (Timbalan Pengarah ESERI, UniSZA), felo-felo penyelidik ESERI, UniSZA, staf dan pelajar ESERI.**
**Turut terlibat dalam sesi cerapan ini adalah Jabatan Mufti Negeri Terengganu dan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Cawangan Terengganu. Cerapan telah dibuat sehingga bulan terbenam namun hilal tidak kelihatan disebabkan cuaca mendung dan berawan tebal di ufuk.**

*30 March 2025 | 29 Ramadan 1446H – Syawal 1446H Moon Sighting at KUSZA Observatory, ESERI, UniSZA*
*The official Syawal moon sighting session was attended by YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas (Performing the Duties of the Vice-Chancellor of UniSZA). Also present were Prof. Dr. Harmy bin Mohamed Yusoff (Dean of the Faculty of Medicine), Ts. Dr. Abdul Rahman bin Hassan (Deputy Director of ESERI, UniSZA), ESERI research fellows, staff, and students.*
*The session also involved representatives from the Terengganu State Mufti Department and the Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM), Terengganu branch. Observations were carried out until moonset; however, the crescent moon (hilal) was not sighted due to cloudy and overcast conditions at the horizon.*



# Liputan Media UniSZA

***Media Coverage***




## Sinar Harian | 1 Mac 2025

## Balai Cerap KUSZA Jadi Hab Pelancongan Astronomi Terengganu

Sinar Harian | 1st March 2025

Balai Cerap KUSZA Becomes Terengganu's Astronomy Tourism Hub

**klik di sini untuk berita lanjut**




## Berita RTM | 1 Mac 2025

**UniSZA akan jadikan Balai Cerap KUSZA, ESERI, Universiti Sultan Zainal Abidin sebagai hab pelancongan Astronomi**

*RTM News | 1 March 2025*

*UniSZA to Establish KUSZA Observatory, ESERI, Universiti Sultan Zainal Abidin as an Astronomy Tourism Hub*

**klik di sini untuk berita lanjut**

# Liputan Media UniSZA

***Media Coverage***




**klik di sini untuk berita lanjut**

***Berita TV 3 | 1 Mac 2025***

***TARIKAN | Balai Cerap KUSZA Dijadikan Hab Pelancongan Astronomi***

***Balai Cerap KUSZA Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang melahirkan ramai pakar dalam bidang ilmu falak, bakal dimanfaarkan sebagai tarikan untuk peminat astronomi.***

*TV3 News | 1 March 2025*

*ATTRACTION | KUSZA Observatory to Become an Astronomy Tourism Hub*

*The KUSZA Observatory at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), which has produced many experts in the field of Islamic astronomy, is set to be developed as an attraction for astronomy enthusiasts.*

# Liputan Media UniSZA

***Media Coverage***

**Berita Harian, Jumaat, 21 Mac 2025**

**"Jaga kualiti puasa, hindari perkara cemari Ramadan".**
**Artikel oleh:**
**Ustaz Mohd Shahrizal Nasir**
**Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab**
**Fakulti Bahasa dan Komunikasi**
**UniSZA**

*Berita Harian, Friday, 21 March 2025*

*"Preserve the Quality of Fasting, Avoid Actions That Tarnish Ramadan"*
*Article by:*
*Ustaz Mohd Shahrizal Nasir*
*Lecturer, Centre for Arabic Language Studies*
*Faculty of Languages and Communication*
*UniSZA*



Agama

Jaga kualiti puasa, hindari perkara cemari Ramadan

Oleh Mohd Shahrizal Nasir
bhagama@bh.com.my

Ramadan dikurniakan Allah SWT untuk kita menggandakan amalan pada waktu siang dan malam. Peluang ini hanya datang sebulan dalam tempoh setahun. Allah SWT mensyariatkan ibadah puasa dalam Ramadan dengan garis panduan yang cukup jelas



Agama

Belum terlewat buru, raih ganjaran Lailatulqadar

Oleh Mohd Shahrizal Nasir
bhagama@bh.com.my

Lailatulqadar menjadi bukti jelas Allah SWT amat mengasihi hamba-Nya. Oleh sebab itu Allah SWT mendatangkan malam berkenaan khusus untuk hamba-Nya bagi meraih ganjaran besar

**Berita Harian, Rabu, 26 Mac 2025.**
**"Belum terlewat buru, raih ganjaran Lailatulqadar".**

**Artikel oleh:**
**Ustaz Mohd Shahrizal Nasir**
**Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab**
**Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA**

*Berita Harian, Wednesday, 26 March 2025*
*"It's Not Too Late to Seek and Attain the Rewards of Lailatul Qadar"*

*Article by:*
*Ustaz Mohd Shahrizal Nasir*
*Lecturer, Centre for Arabic Language Studies*
*Faculty of Languages and Communication, UniSZA*



**Bulan baharu bersinar di langit Terengganu malam ini, menandakan permulaan Ramadan dan menyambut para jemaah ke bulan penuh ibadah dan refleksi.**

**Foto oleh Anuar McAfee,**
**Felo Penyelidik,**
**Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur,**
**Universiti Sultan Zainal Abidin**

*The new moon shines over Terengganu tonight, marking the beginning of Ramadan and welcoming worshippers to a month of fasting and reflection.*

*Photo by Anuar McAfee,*
*Research Fellow,*
*East Coast Environment Research Institute,*
*Universiti Sultan Zainal Abidin*

# Nak raya kena tengok anak bulan dulu !




**Melihat anak bulan (Hilal) merupakan suatu aktiviti ibadah yang dilakukan terutamanya dalam menentukan permulaan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Saban tahun, tarikh melihat anak bulan akan dibuat pada setiap hari ke-29 dalam takwim hijri bagi sesebuah negara iaitu 29 Syaaban, 29 Ramadan dan 29 Zulkaedah. Hal ini kerana, pusingan Bulan mengelilingi Bumi mengambil masa sekitar 29.5 berdasarkan kitaran sinodik. Bagi Balai Cerap KUSZA, ESERI, UniSZA, kegiatan mencerap anak bulan tidak hanya dibuat pada bulan-bulan rasmi tetapi kami membuat cerapan anak bulan setiap bulan dari Muharram hingga Zulhijjah. Sebagai satu-satunya Balai Cerap IPTA yang menjadi lokasi cerapan anak bulan rasmi di Malaysia, aktiviti cerapan akan dibuat di Balai Cerap KUSZA, ESERI, UniSZA pada 29 Ramadan 1446H bersamaan 30 Mac 2025 (Ahad).**

*Moon sighting (Hilal) is a religious activity primarily carried out to determine the beginning of Ramadan, Syawal, and Zulhijjah. Each year, the date for moon sighting is set on the 29th day of the Hijri calendar for a given month, namely 29 Syaaban, 29 Ramadan, and 29 Zulkaedah. This is because the Moon's orbit around the Earth takes approximately 29.5 days based on the synodic cycle. At the KUSZA Observatory, ESERI, UniSZA, moon sighting is not limited to the official months only—we conduct moon observations every month from Muharram to Zulhijjah. As the only public university observatory (IPTA) in Malaysia designated as an official moon sighting location, the observation activity will take place at the KUSZA Observatory, ESERI, UniSZA on 29 Ramadan 1446H, corresponding to 30 March 2025 (Sunday).*

klik di sini untuk berita lanjut

# Hebahan & Iklan

*Announcements & Advertisements*




# UniSZA Bookstore

## PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN (2025)




Penulis: W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail, Ab. Aziz Sulaiman

Buku ini menyajikan pembaca dengan pelbagai pendekatan pedagogi yang membentuk asas pengajaran efektif serta konsep penting yang membantu pendidik memahami peranan mereka. Buku ini juga mengetengahkan pelbagai teknik beserta contoh yang boleh digunakan untuk meningkatkan keterlibatan pelajar. Selain itu, Teori Pembelajaran juga dikemukakan bagi memberikan pemahaman mendalam tentang cara pembelajaran pelajar dan kaedah yang boleh digunakan untuk menerapkan teori-teori ini dalam pengajaran. Model-model pengajaran yang telah terbukti berkesan di seluruh dunia juga turut diketengahkan, di samping kupasan terperinci tentang pelbagai kaedah pengajaran tradisional dan inovatif yang boleh digunakan. Akhir sekali, modul ini mengupas secara terperinci kaedah pengajaran yang pelbagai, dari kaedah tradisional hingga kaedah inovatif. Setiap kaedah dibincangkan dengan teliti, termasuk kelebihan dan kekurangan, serta situasi yang paling sesuai digunakan.

Ringkasnya, buku ini adalah panduan lengkap bagi pendidik, guru pelatih, dan sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan pengetahuan tentang seni dan sains pengajaran kerana ia menawarkan panduan praktikal dan teori yang diperlukan untuk menjadi pendidik yang lebih baik dalam meningkatkan kemahiran mengajar.

Click here to buy


UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Selamat Menyambut
Ramadan Al-Mubarak
1 RAMADAN 1446H
Ikhlas daripada:
TAN SRI DATO' DR. MOHD YUSOF HJ MD NOR
PRO-CANSELOR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
PNC PEJABAT NAIB CANSELOR
uniszaedumy


UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Selamat Menyambut
Ramadan Al-Mubarak
1 RAMADAN 1446H
Ikhlas daripada:
TUNKU DATUK NOORUDDIN TUNKU DATO' SERI SHAHABUDDIN
PRO-CANSELOR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
PNC PEJABAT NAIB CANSELOR
uniszaedumy


UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Selamat Menyambut
Ramadan Al-Mubarak
1 RAMADAN 1446H
Ikhlas daripada:
TAN SRI CHE KHALIB BIN MOHAMAD NOH
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
PNC PEJABAT NAIB CANSELOR
uniszaedumy


UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
رمضان المبارك
Selamat Menyambut
Ramadan Al-Mubarak
1 RAMADAN 1446H
Ikhlas daripada:
PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
PNC PEJABAT NAIB CANSELOR
uniszaedumy


Daulat Tuanku
Ya Allah Lanjutkanlah Usia dan Berkatilah Pemerintahan
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI
ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH
Sultan dan Yang Di-Pertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman
Serta Segala Jajahan Takluknya
Dan
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH
SULTANAH TERENGGANU
SEMPENA HARI PERTABALAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU
PADA 4 Mac 2025 BERSAMAAN 3 Ramadan 1446H
Sembah Takzim Daripada:
UniSZA
PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
uniszaedumy
www.unisza.edu.my


UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Tahniah
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)
Mencapai Ranking Dalam Penarafan
Times Higher Education (THE)
World University Rankings 2025
THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS
dalam subjek-subjek berikut :-
Business and Economics 601 - 800
Medical and Health 601 - 800
Social Sciences 801 - 1000
Life Sciences 1001+
Ikhlas daripada:
Pengerusi, Ahli LPU, Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
uniszaedumy


UniSZA
Selamat Hari Raya
Aidilfitri
1 Syawal 1446H
Maaf Zahir & Batin
Ikhlas daripada:
TAN SRI DATO' DR. MOHD YUSOF HJ MD NOR
PRO-CANSELOR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
www.unisza.edu.my


UniSZA
Selamat Hari Raya
Aidilfitri
1 Syawal 1446H
Maaf Zahir & Batin
Ikhlas daripada:
TUNKU DATUK NOORUDDIN TUNKU DATO' SERI SHAHABUDDIN
PRO-CANSELOR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
www.unisza.edu.my


UniSZA
Selamat Hari Raya
Aidilfitri
1 Syawal 1446H
Maaf Zahir & Batin
Ikhlas daripada:
TAN SRI CHE KHALIB BIN MOHAMAD NOH
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
www.unisza.edu.my


UniSZA
Selamat Hari Raya
Aidilfitri
1 Syawal 1446H
Maaf Zahir & Batin
Ikhlas daripada:
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR, PENGURUSAN TERTINGGI
DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY
www.unisza.edu.my

# BELASUNGKAWA

*Condolences*












# JOM MENYUMBANG!

*Let's Contribute!*




**Assalamualaikum wrbt**

**Allah memuliakan orang yang bersedekah sehingga Nabi SAW telah bersabda hadis ini:**

**ما نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِن مالٍ، وما زادَ اللَّهُ عَبْدًا بعَفْوٍ، إلَّا عِزًّا**

*Maksudnya: "Tidak akan berkurang harta dengan sedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kemuliaan baginya."*

*Riwayat Muslim*

**BERINFAQ PADA HARI JUMAAT**

**Layari platform infaq.unisza.edu.my untuk berinfaq. Unisza menyediakan pelbagai ruang kepada anda untuk melakukan kebaikan. Antaranya**

1. WAKAF
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/1
2. INFAQ/DERMA
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/2
3. ZAKAT
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/3
4. ENDOWMEN
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/4

**Kemurahan hati ini tidak dipulangkan dengan pahala biasa malah Allah SWT telah menjanjikan pahala yang berlipat ganda kerana bersedekah.**

**"BERWAKAF DEMI FAEDAH INSAN"**

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# e-Buletin UniSZAtimes

Pendidikan dengan Jiwa • Education with Soul

Mac 2025

*March 2025*

CENTRE FOR CORPORATE COMMUNICATIONS AND RELATIONS MANAGEMENT

Ilmu Demi Faedah Insan
KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

www.unisza.edu.my

MALAYSIA MADANI

uniszaedumy

#ProudlyUniSZA